

27 DEC 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA RAJA NEPAL

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengucapkan tahniah kepada Raja Nepal Birendra Bir Bikram Shah Dev sempena ulangtahun keputeraannya esok.

Seri Paduka berdua berharap hubungan rapat Malaysia dan Nepal akan terus diperkukuhkan pada tahun-tahun mendatang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan tahniahnya kepada rakan sejawatan beliau Giriya Prasad Koirala berkata beliau yakin di bawah pemerintahan Raja itu, rakyat Nepal akan terus menikmati kemajuan dan kemakmuran.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan tahniahnya kepada Koirala yang juga Menteri Luar Nepal berharap akan dapat bekerjasama rapat dengan Nepal bagi faedah bersama kedua-dua negara.

-- BERNAMA

NZ RON